

Laporan Program Wacana Sosial 2011 "KEUSAHAWANAN DAN KEJURUTERAAN"

Oleh: En.Mohd Hairi Osman

Kangar, 12 Okt – Syarahan Akademik Profesor Adjung yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dilihat memberikan pendekatan terbaik kepada staf dan para pelajar dalam meningkatkan pengetahuan bidang keusahawanan dan kejuruteraan.

Syarahan yang berlangsung di Dewan Kapitol Kangar disampaikan oleh Dato' Yusof Bin Jusoh, Pengerusi Eksekutif Proven Group of Companies merangkap Profesor Adjung UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Brig Jen Dato Prof Dr Kamarudin Hussin berkata, sebagai peneraju Proven Group of Companies ini, beliau yakin Dato' Yusof merupakan model terbaik untuk berkongsi ide dan keparan.

"Beliau merupakan seorang yang sangat berpengalaman dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Saya percaya dengan perlantikan ini pelbagai ilmu dan pengalaman dapat dikongsi dalam menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang gemilang,"kata Prof Dr Kamarudin ketika menyampaikan ucapannya

Dato' Yusof dilantik sebagai Profesor Adjung UniMAP bagi dua sidang akademik iaitu 2010/2011 dan 2011/2012 dibawah Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bersama UniMAP sepanjang beliau menjadi profesor adjung UniMAP adalah, menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Proven Holding SDN. BHD pada 6 Ogos 2010.

Dengan MoU ini pelbagai kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan akan diadakan selain memberikan pandangan serta ide.

Selain itu, MoU tersebut juga melibatkan kerjasama dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dalam menawarkan kursus Jangka Pendek Sistem Binaan Industri (IBS) bertujuan untuk memperkenalkan kepada kontraktor, jurutera dan mahasiswa UniMAP mengenai sistem IBS ini.

Menurut Prof Dr Kamarudin, hasil kerjasama UniMAP – Proven Holding bakal membangunkan UniCity yang akan dibina di Kampus Sg Cuchuh, Padang Besar.

"Dalam perancangan tersebut sebuah bandar baru bakal dibangunkan dengan menempatkan 4000 orang pelajar serta 300 rumah kedai dimana UniCity bakal menjadi satu mercu tanda buat UniMAP,"katanya.

Prof Dr Kamarudin berharap semua staf dan pelajar yang hadir pada syarahan akademik tersebut dapat memanfaatkan segala ilmu dan ide dalam merencanakan pembangunan bidang kejuruteraan dan keusahawanan di UniMAP.